

Mukhriz: Tiada tekanan daripada UMNO berkaitan isu Dr. Mahathir

UM - 8/8/2008

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Anggota Exco Pemuda UMNO, Datuk Mukhriz Mahathir mengakui beliau tidak menghadapi sebarang tekanan dalam UMNO meskipun bapanya yang juga bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad berterusan mengkritik kerajaan secara terbuka.

Mukhriz, yang juga Pengerusi Biro Hubungan Antarabangsa pergerakan itu berkata, apa yang penting bagi dirinya adalah bekerja serta menjalankan tanggungjawab dan amanah

parti dengan sebaik mungkin.

"Dalam UMNO sentiasa ada tekanan, kalau tidak tahan panas, keluarlah daripada dapur.

"Saya tidak rasa tekanan, saya teruskan dengan kerja dan tanggungjawab yang dramakan bukan sahaja kepada parti tetapi kepada bangsa Melayu dan rakyat Malaysia amnya," katanya ketika ditemui pemberita selepas melakukan kunjungan hormat kepada Duta Lebanon, Khalid Al-Kilani di kedutaan negara itu di sini, hari ini.

Mukhriz bagaimanapun mempersoalkan tindakan sesetengah pihak yang membangkitkan isu yang menyentuh bapanya pada musim mesyuarat bahagian yang sedang berlangsung sekarang.

"Isu yang lebih penting adalah mengenai kepentingan bangsa yang perlu dihalusi, tidak patut isu remeh-temeh ini dibincang pada musim persidangan ataupun di perhimpunan agung UMNO nanti," katanya.